



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### **BAYARAN BALIK CUKAI LEBIH PANTAS**

Cyberjaya, 21 Mac - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menjanjikan proses pembayaran balik lebihan bayaran cukai lebih cepat pada tahun ini. Ini semua dapat dilakukan sekiranya pembayar cukai memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) mereka **menggunakan e-Filing, memastikan maklumat seperti nama dan Nombor Kad Pengenalan di bank sepadan dengan rekod di LHDNM dan mengisi maklumat akaun bank mereka dengan tepat.**

Pelaksanaan kaedah pembayaran balik lebihan bayaran cukai melalui kaedah Pindahan Dana Secara Elektronik (Electronic Fund Transfer @ EFT) oleh LHDNM memungkinkan masa pemprosesan bayaran balik lebihan cukai dipendekkan kurang daripada **30 hari bekerja** seperti yang terkandung di dalam piagam pelanggan LHDNM. Semua proses berkaitan akan dilakukan secara dalam talian (online) dan seterusnya bayaran balik tersebut terus dikreditkan ke akaun bank pembayar cukai seperti yang diisytiharkan dalam BNCP.

Mengikut rekod, pada tahun 2011 LHDNM telah meluluskan sebanyak 1.27 juta kes bayaran balik dan daripada jumlah tersebut 285,261 kes (24%) telah diproses melalui kaedah EFT. Bilangan ini masih kurang daripada sasaran LHDNM dan telah disumbangkan oleh pelbagai faktor, di antaranya:

- i. Pembayar cukai enggan / masih ragu-ragu untuk mengisytiharkan maklumat akaun bank mereka dalam BNCP;
- ii. Akaun bank yang diisytiharkan oleh pembayar cukai dalam BNCP mereka tidak sah, tidak aktif, telah dibekukan atau telah ditutup;
- iii. Maklumat seperti Nama atau Nombor Kad Pengenalan atau Pasport yang diisytiharkan kepada LHDNM tidak sama dengan rekod yang didaftarkan di bank;

**Justeru bagi membantu kami memproses bayaran balik dengan segera, pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menggunakan sistem e-Filing dalam mengisytiharkan cukai pendapatan mereka dan mengisi maklumat akaun bank mereka dengan tepat dalam ruangan yang telah disediakan.**

Sebarang maklumat lanjut sila layari [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi 1-300-88-3010.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>21 Mac 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8836</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7836</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**